

U B395 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 2 2 2 2

(1)

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

TASHKENT, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU MASYARAKAT ISLAM YANG BERJUMLAH LEBIH 45 JUTA DI ASIA TENGAH DAN KAZAKHSTAN DI SOVIET UNION UNTUK TERUS MENGANUT KEPERCAYAAN MEREKA DEMI MEMASTIKAN CORAK HIDUP YANG DAMAI.

PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM DI MALAYSIA MENGANGGAP UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA SEBAGAI SAUDARA MEREKA DAN DENGAN ITU, MENITIKBERATKAN HAL EHWAL MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 400 UMAT ISLAM SELEPAS SEMBAHYANG ZOHOR DI PUSAT ISLAM UNTUK ASIA TENGAH DAN KAZAKHSTAN DI SINI PETANG INI.

KATANYA, ISLAM MAHUKAN PARA PENGANUTNYA HIDUP SECARA AMAN DENGAN PARA JIRAN DAN PELINDUNG MEREKA. -- LAGI

2127MST 02 08 87

0100

U B396 AAB

MAHATHIR - ISLAM 2 TASHKENT

(1)

IMAM MASJID DI SINI, ENCIK YUSUF KHAN ZAHIR, DALAM UCAPANNYA TERDAHULU ITU, BERKATA MASYARAKAT ISLAM DI SOVIET UNION MENYANJUNG TINGGI DATUK SERI DR MAHATHIR DAN RAKYAT MALAYSIA.

BELIAU BERHARAP LAWATAN PERDANA MENTERI KINI KE SOVIET UNION AKAN MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

+LEBIH RAPAT HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA, LEBIH BAIK KAMI UMAT ISLAM DI SINI,+ KATA IMAM ITU.

+KAMI BERDOA KEPADA ALLAH HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA INI AKAN TERUS DIPERKUKUHKAN,+ KATANYA. -- LAGI

2134MST 02 08 87

U B397 AAB

MAHATHIR - ISLAM 3 TASHKENT

(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ROMBONGAN TIBA DI SINI DARI MOSCOW UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE REPUBLIK UZBEKISTAN.

BELIAU JUGA MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PENERUSI MAJLIS REPUBLIK, ENCIK B.GKADUPOV GAND, DAN PARA ANGGOTA KABINETNYA DI RUMAH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAKSIKAN PAMERAN MENGENAI PENCAPAIAN EKONOMI REPUBLIK ITU.

PADA SEBELAH PETANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERLEPAS KE SAMARKAND UNTUK MELIHAT MONUMEN-MONUMEN SENI BINA BANDAR BERSEJARAH ITU. -- BERNAMA

2144MST 02 08 87